

03 APRIL 2018

Ahli politik ditahan positif syabu

Ahli politik ditahan positif syabu

KUALA LUMPUR 2 April

- Seorang ahli politik ditahan polis kerana dipercayai positif dadah jenis syabu dalam operasi yang diadakan di ibu negara awal pagi tadi.

Menurut sumber, beliau ditahan ketika Bahagian Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) mendapat maklumat terdapat penyalahgunaan dadah di sebuah pusat hiburan di sini.

Sumber berkata, operasi yang dijalankan selama dua jam itu bermula pada pukul 2 pagi mendapati suspek dan rakan-rakannya berada di sebuah bilik pusat hiburan tersebut.

"Hasil ujian air kencing yang dilakukan mendapati suspek positif dadah jenis syabu dan mereka yang berada di dalam bilik itu seramai 11 orang termasuk suspek dibawa ke Ibu pejabat Polis Daerah Dang Wangi untuk siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner, Shaharuddin Abdullah ketika dihubungi mengesahkan penahan tersebut.

Menurutnya, ahli politik terbabit bagaimanapun dibebaskan kira-kira pukul 4 petang tadi dengan jaminan polis.

"Selain suspek 10 lagi individu yang merupakan rakan kepada suspek turut dibebaskan dengan jaminan," ujarnya.